

PENGETAHUAN GURU TERHADAP KAEDAH *SERVICE-LEARNING* DALAM MENERAPKAN KEMAHIRAN INSANIAH MURID SEKOLAH

Umaira Ramlee

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Isa Hamzah

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Corresponding Author's Email: umairaramlee89@gmail.com

Article history:

Received : 25 February 2022

Accepted : 25 March 2022

Published : 31 December 2022

ABSTRAK

Seiring dengan pemeraksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih bersifat *'hands-on learning'* pada masa ini, kaedah *service-learning* dilihat sebagai satu platform baru ke arah usaha meningkatkan mutu pengajaran yang lebih berinovasi serta efektif. Kertas kajian ini bertujuan untuk meneroka tahap pengetahuan dan persepsi guru sekolah rendah mengenai kaedah pembelajaran berasaskan perkhidmatan (*service-learning*) yang kian di dominasi di peringkat pengajian tinggi. Pelaksanaan kaedah berasaskan *service-learning* diperingkat sekolah masih lagi dilihat 'lompong' rentetan beberapa kekangan dan masih dilihat baharu di negara ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini dibangunkan dengan menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif menerusi kaedah tinjauan deskriptif untuk memperolehi dapatan kajian. Sampel kajian yang dipilih adalah secara persampelan rawak mudah ke atas 200 orang guru sekolah rendah di negeri Sabah. Dengan menggunakan *Google Form* sebagai instrumen soal selidik, data kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 2.0 untuk memperolehi kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai dalam menentukan pengetahuan dan persepsi guru sekolah terhadap pembelajaran berasaskan *service-learning* di samping meninjau tahap pedagogi guru dalam menerapkan kemahiran insaniah pelajar. Hasil kajian ini mendapati bahawa pengetahuan mengenai pendekatan *service-learning* di kalangan guru sekolah berada pada tahap yang rendah. Maka dalam memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran itu dapat dicapai, ianya menuntut para pendidik untuk merangka strategi dan kaedah yang baharu sebagai satu transformasi dalam dunia pendidikan. Di akhir penulisan ini, saranan pengajaran dan pembelajaran berasaskan *service-learning* diutarakan.

Kata kunci: kaedah pengajaran dan pembelajaran, pembelajaran berasaskan perkhidmatan, pembelajaran secara langsung, kemahiran insaniah, pelajar sekolah.

TEACHERS' KNOWLEDGE OF SERVICE-LEARNING METHODS IN APPLYING THE SOFT SKILLS AMONG PRIMARY STUDENTS

ABSTRACT

Alongside with the era of empowerment of teaching and learning methods that tend to be 'hands-on learning' at the time being, service-learning methods are seen to be a new platform in order to improve the quality of teaching to be more innovative and in effective way. This research paper aims to explore the level of knowledge and perception of primary school teachers on service-based learning methods which is increasingly practices in higher education. The implementation of service-based methods at the school level is seen as a series of gaps and constraints and freshly look in this country. Accordingly, this study was developed using a quantitative study design through a descriptive survey method to obtain the findings of the study. The selected study sample is a simple random sampling of 200 primary school teachers in the state of Sabah. Using Google Form as a questionnaire instrument, the data of this study were analysed using SPSS 2.0 software to obtain the frequency, percentage, mean and standard deviation in determining the knowledge and perception of school teachers on service-based learning besides to reviewing the level of teacher pedagogy in applying soft skills toward students. The results of this study found that the knowledge of service-learning approach among school teachers is at a low level. So, in ensuring the effectiveness of teaching and learning can be achieved, it requires educators to formulate some new strategies and methods as a transformation mode in the world of education. At the end of this writing, some suggestions for the implementation of teaching and learning based on service-learning are presented.

Keywords: *teaching and learning methods, service-learning, direct learning, soft skills, primary students.*

PENGENALAN

Seiring dengan pembangunan negara dalam menghadapi perkembangan era revolusi perindustrian 4.0 kini, sistem pendidikan negara menjadi tonggak dalam menentukan penghasilan generasi yang mempunyai pelbagai kemahiran insaniah untuk keperluan negara kelak. Rozita (2018) menyatakan sistem pendidikan di negara kita turut merasai gelombang revolusi ini lantaran fungsi utama badan itu untuk memastikan kebolehpasaran graduan yang bergantung kepada penguasaan tinggi dalam kemahiran insaniah. (Anwar Ali, 2006; Sharifah Hapsah, 2008) turut menekankan kemahiran insaniah ini merupakan aspek yang kritikal dan merupakan salah satu objektif penting kurikulum sekolah untuk menghasilkan generasi yang mengaplikasikan ilmu dan kemahiran secara kreatif, berketerampilan dan berwawasan untuk mencapai prestasi dalam akademik.

Pada tahun 2021, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga turut mengambil pendekatan menghapuskan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dengan melaksanakan penilaian pentaksiran berasaskan bilik darjah (PBD) sepenuhnya untuk menilai pencapaian murid sekolah rendah dari pelbagai aspek. Pendekatan yang diambil kerajaan ini dilihat mampu menghasilkan impak yang positif ke arah mengembangkan lagi potensi murid dari pelbagai sudut dengan mengeneppikan pentaksiran yang berorientasikan peperiksaan semata-mata. Perkara ini juga pastinya memberi kesan terhadap perkembangan kemahiran insaniah pelajar sekolah rendah kerana guru tidak lagi terbeban untuk mengejar pencapaian akademik pelajar semata-mata, malah tugas untuk membimbing ke arah perkembangan holistik dan pelbagai kemahiran insaniah murid dapat direalisasikan.

Jesteru, kepentingan dalam menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti dan bersifat mampan bagi memenuhi keperluan generasi murid di abad ke-21 adalah perlu diambil berat oleh semua pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Institusi Pendidikan, dan guru-guru sebagai badan pelaksana. Malah, strategi Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (PPPM) yang dirangka turut menggambarkan bahawa negara kita begitu komited dalam memperkukuhkan generasi muda kini dengan pelbagai kemahiran insaniah. Oleh itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan para pendidik disekolah haruslah mengalami tranformasi yang bergerak seiring dengan

hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi melahirkan modal insan yang berkualiti. Ianya juga haruslah bersifat praktikal dan dapat diaplikasikan agar hasrat kemenjadian murid yang berkualiti dapat dilahirkan.

Maka dalam hal ini, guru merupakan tunjang dalam memastikan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dapat diserap dan dibangunkan dalam diri pelajar. Guru juga perlu membimbing pelajarnya hingga mereka mampu mengadaptasikan pengetahuan yang diperolehi ke dalam dunia realiti mereka. Oleh itu, kemahiran dalam mengadaptasikan kepelbagaian teknik pengajaran dan pembelajaran merupakan perkara yang cukup mustahak dalam menilai kemampuan guru-guru dalam menyampaikan ilmu pengetahuan yang memberi makna kepada para pelajar.

Dalam pada itu, kemahiran insaniah para pelajar sekolah banyak tertumpu kepada pelaksanaan aktiviti ko-kurikulum di sekolah. Walker (2003) turut menyebut pembangunan kemahiran kepimpinan dalam diri para pelajar dapat dibina melalui penglibatan kokurikulum. Manakala dari sudut pengajaran dan pembelajaran secara langsung, kebanyakan guru-guru masih kurang menunjukkan kemahiran ini sebagai salah satu hasil pembelajaran yang perlu dicapai dalam pengajaran mereka. (Rohani Arba, 2015). Menurut Musliha (2011) kemahiran insaniah ini boleh diterapkan melalui kurikulum yang tersusun dan teknik yang digunakan guru ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Namun, penerapan kemahiran tersebut di dalam bilik darjah memerlukan kepakaran guru untuk mengatur strategi semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Pengenalan kepada kaedah *service-learning* dalam usaha menerapkan kemahiran insaniah di kalangan murid sekolah merupakan satu jalan alternatif yang boleh diaplikasikan. Dari segi asasnya, pendekatan *service-learning* ini banyak diguna pakai di peringkat pengajian lebih tinggi seperti di kolej dan universiti. Pendekatan ini dilihat boleh dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan menengah lagi dalam usaha menerapkan kemahiran insaniah sejak dari kecil. Dari sudut pandang negara luar, pendekatan ini telah lama diadaptasikan dalam sistem pendidikan mereka untuk menguatkan lagi bidang pendidikan guru, memberikan pengalaman bermakna kepada para pelajar di samping meningkatkan kesejahteraan komuniti. Kelebihan pendekatan ini juga dilihat meluas kepada para pelajar untuk penglibatan aktif mereka dalam proses pembelajaran dan berinteraksi dengan orang lain untuk mencapai tujuan yang jelas. (Dudderar, D.& Stover, L.2003).

Pernyataan Masalah

Menurut Ahmad Anuar & Esa (2010) penerapan aspek kemahiran insaniah ini harus diutamakan demi mencipta generasi minda kelas pertama yang proaktif, teguh dan kuat apabila menghadapi rintangan dalam dunia pekerjaan. Mohammad Firos (2017) dalam membincangkan permasalahan yang melanda dalam sistem pendidikan negara, salah satu perkara yang diperkatakan adalah kegagalan generasi muda untuk memiliki kemahiran insaniah dalam diri mereka. (Hazilah et al., 2013 & Irwan Fariza Sidik et al., 2020) turut mengatakan bahawa tahap pencapaian para pelajar semakin merudum lantaran kurangnya berkemahiran dari sudut menghasilkan idea yang berkualiti, berfikir diluar kotak pemikiran, serta menjana solusi terhadap suatu permasalahan.

Kajian-kajian daripada penyelidik terdahulu menunjukkan indikasi prestasi akademik murid-murid sekolah yang berada pada tahap rendah adalah dikaitkan dengan kelemahan dari sudut kemahiran berkomunikasi serta penulisan (Jasim & Khalifa 2019; Ubaka Ukwe 2019; Gardner et al., 2005). Rentetan daripada itu, kesannya terhadap pelajar sekolah yang kekurangan kemahiran insaniah ini adalah kegagalan untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi mahupun mendapatkan peluang kerjaya (Chew et al., 2014; Haslina 2015; Fatahiyah et al., 2018).

Uminadiha (2011) turut menyatakan bahawa untuk menentukan kejayaan dan keberhasilan sesebuah sekolah menerapkan dan meningkatkan pelbagai kemahiran insaniah pelajar adalah bersandarkan dengan keupayaan guru dalam mengaplikasikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian. Zainudin (2005) turut menjelaskan peranan guru tatkala melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran haruslah merancang terlebih dahulu strategi yang sesuai agar dapat menghubungkan kemahiran insaniah tersebut kepada para pelajar.

Kaedah *service-learning* ini dilihat sebagai satu platform yang dapat menerapkan kemahiran insaniah di kalangan pelajar. Lantaran itu, kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan dan kesediaan guru-guru sekolah mengenai kaedah pengajaran dan

pembelajaran berasaskan *service-learning* ini dalam menerapkan kemahiran insaniah di kalangan murid sekolah. Kajian ini turut meninjau tahap pengetahuan pedagogi guru-guru dari sudut menerapkan kemahiran insaniah pelajar sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran.

KAJIAN LITERATUR

'Pembelajaran berasaskan khidmat' ini kian didominasi di peringkat pengajian yang lebih tinggi pada masa kini. (Najah Nadiyah Amran et al., 2016) di dalam menghuraikan maksud *service-learning* mengatakan ianya merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pengalaman yang diperolehi sewaktu memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Pedagogi penglibatan komuniti, yang sering disebut "pembelajaran perkhidmatan," adalah yang menggabungkan tujuan pembelajaran dan khidmat masyarakat dengan cara yang dapat meningkatkan pertumbuhan pelajar dan kebaikan bersama (Bandy.J, 2016).

Pelaksanaan *service-learning* menggunakan kemampuan kognitif serta kecekapan para pelajar dalam usaha mencari solusi terhadap permasalahan dalam komuniti telah memperlihatkan kesan yang positif dalam diri pelajar tersebut sewaktu memberikan khidmat tersebut (Chai,T.C. et al., 2013). Banyak kajian yang telah dibuat mengenai pendekatan *service-learning* ini menyimpulkan bahawa ianya adalah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang mengaitkan pengalaman pelajar ketika melaksanakan khidmat bakti kepada komuniti (Maznah Ibrahim et al., 2018).

Pendekatan *service-learning* ini merupakan satu mekanisma alternatif yang dapat melahirkan kehormonian dalam hidup bermasyarakat. Ianya bukan sahaja memberi kesan baik terhadap pengajaran dan pembelajaran pelajar disekolah secara langsung malah kebaikan yang diperolehi secara tidak langsung memberi impak kepada diri individu pelajar, masyarakat, pihak sekolah dan agensi yang terlibat. (Eyler, J. Giles et al., 1996) menyatakan manfaat pendekatan *service-learning* itu boleh dilihat menerusi pembangunan personal dan sosial. Manakala pengalaman belajar di bilik darjah turut membawa impak yang positif dalam diri pelajar. (Prentice & Robinson, 2010).

Dalam masa yang sama, kaedah *service-learning* ini membuka peluang kepada pelajar untuk menganalisis sesuatu maklumat dari pelbagai perspektif terhadap struktur sosial, rintangan dan cabaran dalam kehidupan komuniti (Boyce-Baise & Langford, 2004). Kajian Noor Syafawati (2012) terhadap para pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menunjukkan tahap impak yang tinggi terhadap pelaksanaan *service-learning* bagi setiap elemen kemahiran insaniah yang kaji. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang didedahkan dengan kaedah pengajaran *service-learning* ini dapat meningkatkan modal insan serta kesedaran sivik dalam diri.

Service-learning juga merupakan alat pedagogi yang cekap dalam membangunkan keperibadian para pelajar. (Gray et al., 1999) menyatakan individu pelajar yang didedahkan dengan persekitaran hidup bermasyarakat yang berbeza-beza mampu membantu mereka dalam memahami perbezaan antara satu sama lain. Tambahan lagi, ianya dapat membantu pelajar memahami akan keadaan masyarakat yang heterogenik dan mula membina rasa menghormati perbezaan setiap orang dalam komuniti (Taylor & Trepanier-Street, 2007). Maka kajian mengenai impak *service-learning* terhadap pembangunan sahsiah individu banyak memberikan keputusan yang positif terhadapnya. Pendekatan *service-learning* ini juga dilihat sedikit sebanyak memberi kesan kepada peningkatan kemahiran insaniah para pelajar. (Juhn et al., 1999) dalam membahaskan pendekatan *service-learning* terhadap kemahiran insaniah seseorang individu turut menyatakan bahawasanya pendekatan ini dapat membantu untuk meningkatkan kemahiran hidup pelajar dengan lebih berkualiti tatkala berdepan dengan era globalisasi yang dinamik serta mencabar.

Kajian daripada (Najah Nadiyah et al.,2017) mengenai impak pengalaman latihan industri pelajar Fakulti Pengajian Islam (FPI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersama Orang Kurang Upaya (OKU) menunjukkan hasil yang positif terhadap kemahiran insaniah para pelajar. Hasil kajian menunjukkan pendekatan *service-learning* membantu responden berkomunikasi dan bergaul dengan masyarakat setempat. Ia juga memperbaiki kemahiran insaniah mereka melalui amalan *teamwork*, komunikasi yang efektif untuk mencapai suatu solusi serta tetap teguh menempuh permasalahan yang melanda. Ini juga dapat meningkatkan kemahiran bekerja dengan orang lain, kompetensi dalam memahami budaya komuniti setempat, dapat menerapkan sikap proaktif dalam tindakan disamping membudayakan semangat kerjasama di kalangan para pelajar. Pernyataan ini disokong oleh (Abd

Rahim et al., 2007) dengan menyimpulkan kesan positif dapat dirasai oleh para pelajar dari sudut kemahiran kerja berpasukan hasil daripada program khidmat bakti yang dianjurkan.

Untuk pelaksanaan *service-learning* diperingkat sekolah rendah, kaedah ini seharusnya dilihat sangat praktikal untuk dijadikan sebagai satu pendekatan ke arah pembelajaran secara *hands-on learning* dan bersifat kontekstual kerana komponen yang wujud dalam kaedah *service-learning* ini bersesuaian dengan pedagogi pembelajaran kanak-kanak di awal usia. Maka, sudah tiba masanya pendekatan pengajaran dan pembelajaran diperingkat rendah ini melalui proses transformasi untuk menghasilkan generasi muda yang kaya dengan pelbagai kemahiran di samping mempersiapkan diri mereka menuju ke sistem pendidikan yang lebih tinggi.

Dalam kajian Russell Bowie pada tahun 2008 ke atas pelajar sekolah rendah yang melalui pembelajaran berasaskan *service-learning*, persoalan kajian yang diutarakan adalah adakah proses pembelajaran melalui akademik pengajaran berasaskan *service-learning* yang dilaksanakan di sekolah memberikan kesan baik kepada para pelajar? Hasil kajian mendapati bahawa proses pembelajaran telah memberikan impak positif kepada pelajar dari sudut peningkatan pencapaian dalam akademik, membangunkan sikap hormat terhadap orang lain dan juga diri sendiri, pengajaran mengenai kehidupan sebenar dan menyediakan kepada mereka cara untuk mengekspresikan diri dengan betul. (Russell Bowie, 2008).

Kajian daripada Suzanne Adinolfi (2012) juga turut mengkaji pelaksanaan kaedah *service-learning* ke atas murid pra sekolah di Florida, Amerika Syarikat yang memakan masa selama 3 bulan. Dapatan kajian ini memperlihatkan manfaat terbesar diperolehi daripada pelajar pra sekolah ini dari sudut interaksi bersama orang dewasa serta pendedahan kepada aktiviti fizikal tersebut membawa kepada pembentukan kemahiran baru kepada mereka. Selain itu, data kajian turut membuktikan bahawa pelajar pra sekolah yang biasanya memerlukan bantuan pembelajaran harus diberikan sokongan untuk melalui proses pembelajaran sendiri (*Self learning*). Sebagaimana kanak-kanak tersebut belajar secara realiti untuk memenuhi keperluan masyarakat, maka melalui pendekatan *service-learning* ini, mereka juga mampu untuk membina proses pembelajaran mereka sendiri. (Suzanne Adinolfi, 2012).

Selain itu, berbeza dengan pedagogi yang berbentuk *stereotip*, pendekatan *service-learning* ini bersifat rencam dengan meninggalkan gaya pengajaran dan pembelajaran yang sehala dan pasif, menghafal fakta dan mengatasi kelemahan pelajar untuk menerapkan ilmu pengetahuan kedalam situasi baru. Kemahiran menyelesaikan masalah dapat dibina melalui tinjauan para pelajar dalam ragam kehidupan komuniti. Pemikiran yang kreatif dan inovatif untuk menyediakan jawapan kepada permasalahan tersebut secara tidak langsung mengasah kemahiran insaniah para pelajar. (Mohd Fathi Adnan et al., 2013) turut menyokong kenyataan ini dengan menyatakan *service-learning* juga dapat menghasilkan pengalaman pelajar untuk merasai kesusahan yang dialami dalam komuniti dan seterusnya mencari jalan penyelesaian dalam mengatasi permasalahan tersebut. (Mohd Fathi Adnan et al., 2013).

Pendekatan pengajaran yang bersifat *hands-on learning* seperti aktiviti *service-learning* juga dapat meningkatkan minat murid di samping memberi kefahaman yang jelas melalui pelaksanaan ilmu teori kealam realiti. Menurut Juli Gantcher melalui Anis (2012), pelaksanaan pengajaran secara *hands-on* dapat meningkatkan keseronokan dan kompetensi, menambah perasaan ingin tahu, serta mencambahkan kreativiti murid-murid ketika sesi pengajaran. Ini turut disokong dengan dapatan kajian Mary Tan (2009) yang menunjukkan bahawa melalui aktiviti *hands-on* dalam sesi pengajaran guru dapat meningkatkan penglibatan aktif murid di samping pencapaian dan prestasi dalam akademik.

Jelaslah bahawa impak positif terhadap para pelajar melalui pendekatan kaedah *service-learning* dapat dilihat oleh penyelidik-penyelidik terdahulu menerusi kajian mereka. Namun begitu, pendekatan kaedah *service-learning* ini masih dilihat agak baharu dan dianggap sebagai teknik pengajaran terkini yang dilaksanakan diperingkat pengajian tinggi. Manakala di peringkat sekolah masih dilihat samar dan memerlukan pihak berwajib seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Pengetua Sekolah, barisan pentadbir serta guru-guru diberi pendedahan jelas mengenai kaedah ini agar pendidikan di sekolah menjadi lebih efektif dan efisien dengan kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran yang terkini.

METODOLOGI

Reka Bentuk kajian

Kajian ini dihasilkan melalui reka bentuk kajian bersifat tinjauan melalui data kuantitatif. Menurut Joshua Caseley (2020), dengan membuat suatu kajian mengenai suatu masalah, fenomena mahupun perkara yang baharu berlaku, pengkaji dapat mengetahui, menganalisis atau memperakui masalah dan fenomena yang berlaku. Oleh yang demikian, pelaksanaan reka bentuk kajian tinjauan yang membabitkan penyelidikan secara deskriptif ini adalah untuk memperolehi data berkaitan dengan tahap pengetahuan dan persepsi guru-guru sekolah rendah tentang kaedah *service-learning*, serta meninjau pengajaran yang digunakan untuk menerapkan kemahiran insaniah murid sekolah rendah.

Teknik Persampelan

Untuk menjalankan kajian ini, kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak mudah. Dengan populasi kajian melibatkan guru-guru sekolah rendah yang mengajar dalam pelbagai mata pelajaran di negeri Sabah, seramai 200 orang guru-guru menjadi responden untuk menjawab soal selidik yang diberikan.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik tertutup secara atas talian menggunakan *Google Form* disebabkan kekangan pandemik covid-19. Menurut Rowley (2014) bagi melaksanakan kajian berbentuk tinjauan, soal selidik adalah bersesuaian dengan tujuan untuk mengumpul data dari sejumlah responden yang ramai. Dalam membina soal selidik kajian ini, pengkaji mengubahsuai instrumen kajian Joshua Caseley (2020). Soal selidik ini dipecahkan kepada dua bahagian iaitu Bahagian I dan Bahagian II. Bahagian I merupakan soalan mengenai pengetahuan guru-guru tentang kaedah *service-learning* dan persepsi mengenai pengajaran berasaskan *service-learning*. Bahagian II pula merupakan soalan untuk menilai tahap pengetahuan pedagogi guru untuk menerapkan kemahiran insaniah para pelajar. Pengukuran item soal selidik ini menggunakan skala likert empat mata iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju.

Menurut Noraini (2013) kajian rintis perlu dijalankan bagi memastikan soalan yang dibuat dapat mengukur apa yang seharusnya ia ukur. Maka kajian rintis dilaksanakan dengan 20 orang guru yang mempunyai latar belakang responden yang sama telah terlibat untuk menguji tahap kebolehpercayaan instrumen yang dibangunkan. Hasil dapatan kajian rintis yang dijalankan menunjukkan instrumen kajian yang dibangunkan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai Alpha Cronbach bagi tahap pengetahuan guru adalah $\alpha = 0.91$, dan tahap kesediaan adalah $\alpha = 0.89$. Manakala kesemua item untuk menguji tahap pengetahuan pedagogi guru-guru sekolah dalam menerapkan kemahiran insaniah pelajar, nilai Cronbach yang diperolehi adalah $\alpha = 0.87$. Ini bermakna, berdasarkan nilai-nilai yang diperolehi iaitu melebihi 0.80, jelas menunjukkan bahawa item ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

Analisis kajian

Dalam menganalisis data kajian, sistem *Statistical Package for Social Science* (SPSS), versi 21.0 telah digunakan untuk memperolehi statistik deskriptif. Hasil keputusan akan dibentangkan melalui skor, min, peratusan dan sisihan piawai untuk menerangkan tentang taburan data. Manakala penggunaan skala likert empat mata akan menginterpretasikan skor min yang diperolehi sepertimana yang digunakan dalam Riduwan (2012) dalam Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Interpretasi Skor min dan peratusan Skala Likert Empat

Skor Min & (%)	Interpretasi Min
1.00 – 1.50 (25.00% – 37.50%)	Kurang kaitan
1.51 – 2.50 (38.00% – 62.50%)	Rendah
2.51 – 3.50 (63.00% – 87.50%)	Sederhana
3.51 – 4.00 (88.00% – 100.00%)	Tinggi

DAPATAN KAJIAN

Dalam menjelaskan dapatan kajian ini, hasil persoalan kajian yang mengutarakan tentang tahap pengetahuan serta kesediaan guru-guru sekolah rendah mengenai pembelajaran berasaskan perkhidmatan (*service-learning*) diterangkan menerusi persoalan kajian I. Manakala persoalan kajian II akan memperlihatkan tahap pengetahuan pedagogi guru-guru sekolah bagi menerapkan kemahiran insaniah pelajar sekolah dalam sesi pdp sepertimana yang diterangkan dibawah:

PK I: Sejauh manakah tahap pengetahuan dan kesediaan guru-guru sekolah rendah mengenai pembelajaran berasaskan perkhidmatan (*service-learning*)?

Menerusi hasil kajian yang diperolehi, secara keseluruhannya menunjukkan guru-guru sekolah mempunyai tahap pengetahuan yang rendah tentang pembelajaran berasaskan perkhidmatan ini dengan nilai (min=1.89, sp=0.75). Tahap yang sama diperolehi bagi menilai kesediaan guru-guru sekolah untuk pengajaran berasaskan *service-learning* dengan nilai keseluruhan min=1.83 dan sisihan piawai=0.77. Jadual 2 berikut akan memperincikan nilai min item-item yang mengukur tahap pengetahuan guru-guru sekolah terhadap pembelajaran berasaskan perkhidmatan (*service-learning*) ini.

Jadual 2 : Tahap pengetahuan Guru terhadap pembelajaran berasaskan perkhidmatan (*Service-learning*)

BIL	ITEM	N	MIN	sp	TAHAP
1.	Saya dapat mengetahui tentang teknik dan kaedah dalam pembelajaran berasaskan perkhidmatan (<i>service-learning</i>)	200	2.09	0.85	Rendah
2.	Saya dapat mengetahui tentang sejarah dan perkembangan kaedah pembelajaran berasaskan perkhidmatan (<i>service-learning</i>) yang dilaksanakan dalam sistem Pendidikan negara	200	1.74	0.74	Rendah
3.	Saya dapat mengembangkan secara mendalam pemahaman tentang kaedah pembelajaran berasaskan perkhidmatan (<i>service-learning</i>)	200	1.89	0.74	Rendah
4.	Saya dapat memahami dengan jelas tentang perincian tentang kaedah pembelajaran berasaskan perkhidmatan (<i>service-learning</i>)	200	1.87	0.62	Rendah

Jadual 3 : Tahap kesediaan pengaplikasian kaedah pembelajaran berasaskan perkhidmatan (service-learning) di sekolah.

BIL	ITEM	N	Min	SP	Tahap
5.	Saya dapat mempersiapkan diri dan bersedia untuk melaksanakan pembelajaran berasaskan perkhidmatan (<i>service-learning</i>) dalam bilik darjah sekiranya diberi pendedahan dan bimbingan mengenainya	200	1.88	0.68	Rendah
6.	Saya dapat menyampaikan kandungan pembelajaran melalui pelaksanaan kaedah pembelajaran berasaskan perkhidmatan (<i>service-learning</i>) sekiranya diberi pendedahan dan bimbingan mengenainya	200	1.85	0.78	Rendah
7.	Saya yakin bahawa pembelajaran berasaskan perkhidmatan (<i>service-learning</i>) dapat diaplikasikan dengan baik ketika sesi pengajaran di bilik darjah	200	1.76	0.84	Rendah

PK 2: Sejauh manakah tahap pengetahuan pedagogi guru-guru sekolah bagi menerapkan kemahiran insaniah pelajar sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran?

Data kajian yang diperolehi memperlihatkan bahawa guru-guru sekolah secara keseluruhannya mempunyai tahap pengetahuan pedagogi yang masih rendah dengan min=2.21 dan sisihan piawai 0.74. Jadual 4 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item yang mengukur tahap pengetahuan pedagogi guru bagi menerapkan kemahiran insaniah pelajar sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 4 : Tahap pengetahuan Pedagogi Guru bagi menerapkan kemahiran insaniah pelajar

BIL	ITEM	N	Min	SP	Tahap
1.	Saya dapat memahami dengan baik kemahiran-kemahiran insaniah yang perlu diterapkan dalam diri pelajar di sekolah	200	1.88	0.71	Rendah
2.	Saya dapat menerapkan elemen-elemen kemahiran insaniah pelajar menerusi aktiviti pembelajaran yang saya telah rancang	200	1.92	0.77	Rendah
3.	Saya dapat membantu murid untuk meningkatkan kemahiran insaniah melalui pelbagai cara mengajar	200	1.95	0.74	Rendah
4.	Saya dapat mencetuskan pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah melalui aktiviti pengajaran yang dilaksanakan	200	2.56	0.53	sederhana
5.	Saya dapat menggalakkan murid berkomunikasi ketika aktiviti pembelajaran berlangsung	200	2.53	0.59	sederhana
6.	Saya dapat menggalakkan penglibatan aktif dan semangat kerja berpasukan ketika aktiviti pembelajaran berlangsung	200	2.52	0.65	sederhana
7.	Saya dapat menjadikan penerapan kemahiran insaniah sebagai objektif pembelajaran yang perlu dicapai di akhir sesi pengajaran	200	1.98		Rendah

PERBINCANGAN

Melalui hasil kajian yang diperolehi dalam penyelidikan ini, jelas menunjukkan tahap pengetahuan guru-guru mengenai pembelajaran berasaskan perkhidmatan (*service-learning*) ini adalah pada aras yang rendah dengan skor min=1.89 dan sisihan piawai 0.75. Menurut Jamilah dan Zamri (2016) kesukaran guru-guru dalam menukar teknik pengajaran yang bersifat tradisional kepada pengajaran yang berpusatkan pelajar menyebabkan ianya menjadi masalah dalam merangsang kemahiran berfikir di kalangan pelajar. Oleh yang demikian, guru perlu mempersiapkan diri mereka untuk mengolah strategi pengajaran yang mampu memberikan impak tinggi terhadap hasil pembelajaran para pelajar. Nor Amalina & Zanaton (2018) turut menyatakan bahawa untuk menentukan kejayaan seseorang guru dalam menggunakan kaedah dan teknik pengajaran adalah bergantung kepada kesediaan dan kefahaman mereka terhadap teknik dan kaedah tersebut. Penguasaan guru terhadap pelbagai kaedah pengajaran juga harus dipertingkatkan melalui menginterpretasikannya dan menyusun kaedah tersebut untuk memperolehi strategi pengajaran dan pembelajaran (pdp) yang efektif (Zamri Mahamod, 2012).

Kajian daripada (Maharam Mamat et al., 2021) tentang pelaksanaan dan implimentasi kaedah *service-learning* di empat buah universiti awam di Malaysia mendapati bahawa pengajaran dan pembelajaran dalam *service-learning* yang dilaksanakan adalah bergantung kepada tahap kesediaan mengajar, kesediaan pelajar, pelaksanaan aktiviti, pemantauan aktiviti, dokumentasi, penilaian kemahiran dan usaha pelajar setelah melakukan aktiviti tersebut. Melihat kepada dapatan kajian ini, tahap kesediaan guru-guru untuk mengaplikasikan kaedah *service-learning* ini masih dilihat rendah dengan skor min= 2.21 dan sisihan piawai=0.74. Ini menunjukkan bahawa guru-guru masih lagi kurang untuk mengeksplorasi teknik pengajaran yang terkini untuk diadaptasikan dalam kalangan pelajar mereka.

Maka, dalam mempersiapkan barisan pendidik kearah sistem pengajaran dan pembelajaran yang terkini, mereka seharusnya didedahkan dengan pelbagai teknik pengajaran seperti kaedah *service-learning* ini untuk membantu mereka lebih bersedia dalam menjalankan pengajaran yang lebih efektif. Ini turut disokong dengan pandangan Esah et al. (2004) yang menyatakan bahawa seseorang guru itu apabila telah memutuskan untuk menggunakan suatu kaedah dalam pengajaran, maka mereka perlu faham dan mampu menyelami pengertian kaedah yang diadaptasikan. Perkara ini sudah pastinya dapat menambah baik keberkesanan kaedah pengajaran yang digunakan kerana guru-guru telah meneliti kesesuaian kaedah yang dijalankan berdasarkan topik dan tema pembelajaran (Norma Jusof & Mohd Aderi, 2019).

Dari sudut penerapan kemahiran insaniah pelajar melalui kaedah pedagogi yang dijalankan oleh guru-guru, kajian ini turut mendapati bahawa tahap pengetahuan guru juga berada pada paras yang rendah dengan min=2.21 dan sisihan piawai =0.74. Ini memberikan petunjuk bahawa kaedah pengajaran guru masih lagi tidak memberikan impak terhadap pemupukan kemahiran insaniah dikalangan para pelajar. Dapatan kajian ini tidak selari dengan beberapa kajian terdahulu yang dilaksanakan di sekolah yang menunjukkan bahawasanya guru mempunyai kepercayaan bahawa mereka telah menerapkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar mereka (Buntat et al., 2006; Awang (2007); Abu et al., 2009; Mohd Nor et al., 2011). Namun Rohani Arbaa (2015) dalam kajiannya menyatakan para guru mengakui akan kepentingan kemahiran insaniah ini namun mereka tidak menjadikan kemahiran ini sebagai satu hasil pembelajaran dalam pengajaran mereka.

Sesuatu kemahiran dan kebolehan para pelajar akan dapat dibangunkan dengan cara melaksanakan aktiviti-aktiviti yang mengadaptasikan kemahiran tersebut. (Kember, 2009). Kajian-kajian terdahulu juga telah membuktikan bahawa kemahiran insaniah pelajar dapat dibina dengan kaedah pengajaran yang berpusatkan pelajar (Said & Talib, 2000; Balakrishnan, 2002; Callan, 2004; Rotherham & Willingham, 2009; Pukelis & Pilecikiene, 2010).

Hasil kajian (Maharam Mamat et al., 2019) mendapati kaedah *service-learning* ini memberikan ruang kepada tenaga pengajar di universiti awam untuk mengaplikasikan pengajaran teori mereka dengan lebih efektif dan berkesan disamping pelajar lebih mudah memahami isi kandungan pelajaran dan mengaplikasikan ilmu teori tersebut ke lapangan masyarakat. Perkara ini pastinya dapat membangunkan kemahiran insaniah para pelajar dan ilmu pengetahuan mereka secara realiti yang mana ianya agak sukar diperolehi sekiranya pelajar hanya melalui proses pembelajaran langsung di dalam kelas semata-mata. Maka, pendekatan kaedah *service-learning* ini seharusnya diperluaskan keperingkat

sekolah rendah kerana beberapa kajian telah menunjukkan bahawa aspek kemahiran insaniah para pelajar dapat dipertingkatkan.

Dalam kajian Russell Bowie pada tahun 2008 ke atas pelajar sekolah rendah yang melalui pembelajaran berasaskan *service-learning*, hasil kajian mendapati bahawa proses pembelajaran telah memberikan impak positif kepada pelajar dari sudut peningkatan pencapaian dalam akademik, membangunkan sikap hormat terhadap orang lain dan juga diri sendiri, pengajaran mengenai kehidupan sebenar dan menyediakan kepada mereka cara untuk mengekspresikan diri dengan betul. (Deirdre Russell Bowie, 2008).

Kajian daripada Suzanne Adinolfi pada tahun 2012 juga turut mengkaji pelaksanaan kaedah *service-learning* ke atas murid pra sekolah di Florida, Amerika Syarikat yang memakan masa selama 3 bulan. Dapatan kajian ini memperlihatkan manfaat terbesar diperolehi daripada pelajar pra sekolah ini dari sudut interaksi bersama orang dewasa serta pendedahan kepada aktiviti fizikal tersebut membawa kepada pembentukan kemahiran baru kepada mereka. Selain itu, data kajian turut membuktikan bahawa pelajar pra sekolah yang biasanya memerlukan bantuan pembelajaran harus diberikan sokongan untuk melalui proses pembelajaran sendiri. (*Self-learning*). Sebagaimana kanak-kanak tersebut belajar secara realiti untuk memenuhi keperluan masyarakat, maka melalui pendekatan *service-learning* ini, mereka juga mampu untuk membina proses pembelajaran mereka sendiri. (Suzanne Adinolfi, 2012).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pembelajaran itu menjadi sesuatu yang bermakna apabila terjadinya perubahan dalam diri pelajar daripada '*self-centered*' menjadi '*servicing others*'. Maka keberkesanan dalam menerapkan kemahiran insaniah di kalangan pelajar menuntut pengorbanan para pendidik dalam merangka strategi pengajaran dan pembelajaran yang kreatif serta inovatif. Perkara ini sangat penting dimulakan dari kecil agar generasi muda pada masa akan datang dapat dibentuk menjadi insan yang berkualiti, seimbang dari pelbagai sudut seperti intelek, rohani, emosi dan juga jasmani. Untuk memastikan negara kita mampu sampai ke tahap itu, penerapan kemahiran insaniah sangatlah kritikal diaplikasikan di sekolah rendah hinggalah di peringkat institusi yang lebih tinggi.

Sehubungan dengan itu, amalan pengajaran dan pembelajaran berasaskan *service-learning* dilihat menjadi satu platform kepada usaha ini. Pendekatan *service-learning* dilihat menjadi salah satu strategi pembelajaran yang bermakna kerana ia dapat membina pengalaman para pelajar, menyampaikan kepada para pelajar isi kandungan sesuatu mata pelajaran secara praktikal, di samping membina kemahiran-kemahiran insaniah yang dapat dipraktikkan di alam pekerjaan kelak. Bukan sahaja manfaat tersebut diperolehi oleh pelajar, malahan manfaatnya tersebar luas hingga ke pelusuk komuniti diluar sana. *Service-learning* perlu diintegrasikan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran guru-guru dengan penuh komited untuk kehidupan yang lebih berkualiti dan mewujudkan rakyat yang dapat hidup dalam komuniti yang pelbagai. Kini sudah tiba masanya buat para pendidik untuk melakukan anjakan paradigma dengan mentransformasikan gaya pengajaran yang bersifat kuno kepada futuristik.

RUJUKAN

- Azam Awang. (2007). Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Guru Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Kelantan Dan Terengganu. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ainun Rahmah Ibrahima, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah (21th Century Learning and the Influence of Attitude, Motivation and Achievements Malay Language Secondary School Student). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77-88.
- Bandy, J. (2016). What is service-learning or community engagement. Center for Teaching, *Vanderbilt University*.

- Chew Fong Peng & Shashipriya Nadarajah. (2014). Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran komsas di sekolah menengah. *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, Vol.4(2): 10–24.
- Dudderar, D & Stover, L.T. (2003). Putting service-learning experiences at the heart of a teacher education curriculum. *Educational Research Quarterly*. December 2003; 27, 2.
- Essential Service-Learning Resources Guide .(2002). Essential Service-Learning Resources.
- Eyler, J., Giles, D. E. Jr., & Schmiede, A. (1996). *A practitioner's guide to reflection in service-learning: Student voices and reflections*. San Diego: Learn & Serve America National Service-Learning Clearinghouse.
- Esah Sulaiman (2004). *Modul Pengajaran: Asas Pedagogi*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hazilah Mohd Amin, Johari Jaafar, Zaihosnita Hooda, Saidah Saada & Hamizah Mohd Amina. (2013). Kemahiran Insaniah Pelajar Prasiswazah: Analisis perbezaan Jantina. *Jurnal Teknologi (Social Science)61(1)*: 19-25.
- Irene Nusanti.(2014). Strategi Service-learning: Sebuah kajian untuk mengembangkan kegiatan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan*, Vol.20. No.2.
- Irwan Fariza Sidik, Mohd Mahzan Awang & Abd Razaq Ahmad .(2020). Keterlibatan pelajar dan hubungannya dengan kemahiran Insaniah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 45(1) Isu Khas: 68-74.
- Jamilah Hassan dan Zamri Mahamod .(2016). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru Bahasa Melayu menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan masalah dalam pengajaran KOMSAS sekolah menengah. *Prosiding seminar pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu kali kelima*: 27-40. Fakulti Pendidikan UKM, Bangi.
- Joshua Caseley Anak Akun .(2020). Kesiediaan Guru sekolah menyepadukan Pendidikan Sivik dalam Mata Pelajaran. *Jurnal kurikulum Bahagian Pembangunan Kurikulum*, Jilid 5, 70-83.
- Kasi, Kristina, Sumarmi Sumarmi, & I. Komang Astina. (2018). Pengaruh Model Pembelajaran Service-learning terhadap Sikap Peduli Lingkungan. *Jurnal Pendidikan: Teori, Penelitian, dan Pengembangan*, 3(4), 437-440.
- Kamisah Osman .(2011). The Inculcation of Generic Skills Through Service-Learning Experience Among Science Student Teachers. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 18:148–53. Di akses melalui <https://cyberleninka.org/article/n/1037467/viewer>.
- Kadijah Haidi Khalid .(1994). *Meneroka Alam Remaja* . Nuria Enterprise, Kuala Lumpur.
- Maznah Ibrahim, Norain Azlan, Nor Afian Yusof, Jamsari Alias & Najah Nadiah Amran. (2018). Service-learning: Mengungkap Definisi Untuk Pembelajaran Abad Ke 21. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 19(2018): 43-55.
- Najah Nadiah Amran & Hamdi Ishak. (2017). Service-Learning bersama OKU: Pengalaman Latihan Industri Pelajar FPI, UKM. *Journal Al-Turath ; Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 2 (1). pp. 1-9.
- Najah Nadiah Amran, Maznah Ibrahim, Rosilah Hassan & Khaidzir Ismail. (2016). Pendekatan Service-Learning Dalam Kursus Kemahiran Insaniah: Transformasi Positif Dalam Kalangan Pelajar Perubatan UKM-UNPAD. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19 (1) (2016) : 11-21. ISSN 0128-2735.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. (Ed ke-2) Shah Alam. Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Nor Amalina Ab Hakim & Zanaton Iksan. (2018). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru terhadap pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dalam mata pelajaran Sains. *Prosiding Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan*. 5 Julai 2018. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Norma Jusof & Mohd Aderi Che Noh (2019) Pengetahuan guru terhadap pengajaran berpusatkan pelajar dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah rendah. *International Journal of Academic Research*. Vol.6. No 1.
- Maharam Mamat, Najah Nadiah Amran, Zainab Ismail, Maznah Ibrahim, Hamdi Ishak & Suria Baba. (2019). Service-learning in Malaysia: Practice and implimentations in four public Universities. *International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCIET)* Vol 10. 1632-1639.

- Mohd Fathi Adnan, Azlan Abdul Latib, Shahrin Hashim dan Noor Syfafwati Mamat (2013). Impak Kursus UTM dan khidmat Komuniti terhadap Pembangunan Kemahiran Insaniah Pelajar Universiti Teknologi Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013) October 7th-10th , 2013. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nor, U.N Zamri, M & Jamaluding, B., (2011). Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ridzuan Lau, Hishomudin bin Ahmad, Mohd Faisol Ibrahim, Nabilah Yusof, Norlelawati Arifin. (2015). Kemahiran Insaniah dan Aktiviti ko-kurikulum di sekolah dan Universiti Awam. *Jurnal Language, Education and Research: upholding the fundamenatls, Embracing the Cutting Edge*. ILEC 2015-267.
- Mohammad Aziz Shah Bin Mohamed Arip, Fuaziah Binti Mohd Sa'ad, Norhidayah binti Jaapar, Khairiyah binti Mohd Ali, Najwa Hananie binti Athdzar & Wan Norhasniah binti Wan Abd Rashid. (2014). Faktor, Kesan dan Strategi menangani permasalahan kurang tumpuan pelajar SEkolah Menengah di dalam kelas: suatu kajian kualitatif. Di akses pada 27 September 2021 melalui :<http://digilib.unimed.ac.id/4781/1/Fulltext.pdf>.
- Mohd Salleh Abu, Meor Ibrahim Kamaruddin, Zainudin Abu Bakar, Mohd Ali Ibrahim, Megat Aman Zahiri Megat Zakaria, Muhammad Abd Hadi Bunyamin.(2009). Penguasaan Kemahiran Insaniah dalam kalangan Guru Pelatih Fakulti Pendidikan UTM. Kertas Prosiding (Unpublished) Di akses melalui <http://eprints.utm.my/id/eprint/11257/>.
- Musliha Salma Mohd Radzi, Rohana Hamzah & Amimudin Udin. 2011. Menyelesaikan Masalah Pembangunan Akhlak Pelajar : Analisis Penerapan Kemahiran Generik Dalam Amalan Pendidikan. *Journal Of Edupres*, Vol. 1 September 2011.
- Noor Syafafwati and Abd Latib, Azlan. (2012). Impak Kursus Utm Dan Khidmat Komuniti Terhadap kemahiran Insaniah Pelajar Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Amalina Ab Hakim & Zanaton Iksan. (2018). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru terhadap pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dalam mata pelajaran Sains. Kertas Prosiding dalam Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018). Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. 5 Julai 2018.
- Rahzianta & Muhammad Luthfi Hidayat. (2016). Pembelajaran Sains Model Service-learning Sebagai Upaya Pembentukan Habits of Mind Dan Penguasaan Keterampilan Berpikir Inventif. *Unnes Science Education Journal*, 5(1).
- Riduwan.(2012). Skala pengukuran variabel-variabel penelitian. Bandung. Alfabeta.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak. (2010). Hubungan Guru-Pelajar dan kaitanya dengan komitmen Belajar Pelajar : Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2): 61-69.
- Rohani Arbaa. (2015). Kearifan Tempatan Profesional Guru dalam menerapkan kemahiran insaniah di dalam bilik darjah. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Di akses melalui <http://eprints.usm.my/32001/1/Rohani.pdf>.
- Rowley. J. (2014). Designing and using research questionnaires. *Management Research Review*, 37(3), 308-330.
- Suzanne Adinolfi. (2012). Teach the children well: A case study of Service-learning in the Preschool Classroom. Ph.D Dissertation. University of Florida.
- Uminadiha Mohd Nor. 2011. Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pelajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. Dlm. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* Vol. 1 Bil. 2 Nov 2011.
- Walker, V.N. (2002). Office of Co-Curricular Life". Sweet Briar: Sweet Briar College. Di akses melalui <http://sbc.edu/cocurricular/about/>.
- Yahya Buntat, Muhammad Rashid Rajuddin, Kandar Selamar & Muhammad Sukri Sud. (2006). Kesesuaian Kurikulum Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Pertanian. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia terhadap keperluan pembelajaran di sekolah. Kajian Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia.

- Zainudin Hassan, Mohd Anuar Abdul Rahman, Mohd Najib Abdul Ghafar & Kamariah Zakaria. 2005. Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik Di Terengganu. *Dlm. Seminar Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching, Serawak*. Diakses melalui <http://eprints.utm.my/1496/>.
- Zamri Mahamod. (2012). Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Tanjung Malim: Universiti Perguruan Sultan Idris.